



كوفراسي فوليس دراج مليسيا برحد

KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

(Co. No: 74/1925)

Tel: 03-2260 8999, 2260 8888 Fax: 03-2274 9782

Internet : www.kpd.com.my/kpd E-mail : info@kpd.com.my

Bilangan :

Tarikh :

KP/18

1hb. Sept 2017

“BERJIMAT SAMBIL BERKHIDMAT”

Pengerusi / Setiausaha / AJK
Ahli Jawatankuasa Kecil Daerah
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD

Tuan / Puan,

**PEKELILING BERHUBUNG SYARAT TEMPOH
MENUNGGU BAGI SKIM INSURANS BERKELOMPOK
KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSIA BERHAD**

1. LATARBELAKANG

1.1 Rekod tuntutan manfaat yang tinggi di dalam sesuatu potfolio insurans akan membawa kesan kepada kecenderungan peningkatan harga premium di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, tuntutan manfaat perlu di kawal supaya hanya kes-kes yang *genuine* dan menepati polisi skim dibayar. Ruang penyalahgunaan skim perlu ditangani melalui terma yang adil dan wajar serta mengikut garis panduan umum industri.

1.2 Dalam penilaian semula potfolio skim insurans Koperasi Polis bagi penggal yang lepas, pihak penanggung insurans telah mengenal pasti ruang penyalahgunaan skim yang akan meningkatkan tuntutan kepada pihak mereka. Tuntutan tidak wajar akan menguntungkan individu tertentu tetapi akan menyebabkan lain-lain anggota menanggung bayaran premium yang lebih tinggi di masa hadapan. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad yang bersidang pada 29hb. Ogos 2017 telah menerima saranan penambah baikkan melalui syarat tempoh menunggu bagi beberapa

klasifikasi penyakit untuk Skim Kelompok Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad.

2. TUJUAN

2.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua anggota KPDRM berhubung terma tempoh menunggu yang dikenakan kepada **semua penyertaan baru atau penambahan unit baru** dalam Skim Insurans Kelompok Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad berkuatkuasa 1hb. September 2017.

3. TERMA TEMPOH MENUNGGU

3.1 Tempoh menunggu merupakan terma pengecualian penggunaan manfaat, terpakai bagi kes berikut :-

- Tempoh menunggu 12 bulan untuk sebarang penyakit jenis kanser, penyakit berkaitan jantung dan kardiovaskular (termasuk strok), kegagalan buah pinggang, lumpuh dari pinggang dan ke atas, scleris berganda, koma, pemindahan organ, penyakit otak yang memerlukan pembedahan.
- Tempoh menunggu 3 bulan untuk sebarang diagnosis bukan kemalangan (selain daripada penyakit yang dinyatakan di atas)

3.2 Terma ini akan mengelakkan penyalahgunaan skim secara tidak wajar contohnya, anggota hanya mula mencarum atau menambah caruman dalam skim insurans berkelompok apabila telah di diagnos mengalami sesuatu penyakit.

3.3 Terma ini tidak terpakai bagi kes-kes yang melibatkan kemalangan.

4. TARIKH KUATKUASA

4.1 Terma ini berkuatkuasa mulai **1hb. September 2017** bagi semua penyertaan baru atau penambahan unit baru.

5. RUMUSAN

5.1 Ketetapan Mesyuarat Anggota Lembaga berhubung terma ini adalah berpaksikan kepada prinsip menjaga kebajikan anggota keseluruhan secara adil untuk tempoh jangka masa panjang. Terma penambah baikkan yang di persetujui merupakan satu terma yang wajar serta mengikut amalan umum industri.

5.2 Sehubungan dengan itu, besarlah harapan kami agar tuan/puan dapat memanjangkan perkara ini kepada anggota KPDRM di daerah masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“Sejahtera Bersama Koperasi PDRM”

Yang Benar
Bagi **KOPERASI POLIS DIRAJA MALAYSA BERHAD**


DATO' ZULKAPLI BIN AHMAD
Setiausaha

s.k 1. Pengerusi

2. Anggota Lembaga Koperasi